



## Terms and Conditions

### OCBC Easy Payment Plan

---

The Terms and Conditions herein apply to the OCBC Easy Payment Plan (“the Programme”) and are to be read in conjunction with the OCBC Cardmember’s Agreement (“the Agreement”). The Agreement shall continue to apply to the Cardmember’s use of the OCBC Credit Cards. In the event of any discrepancy or inconsistency between the Terms and Conditions herein and the Agreement, the Terms and Conditions herein shall prevail in so far as they apply to the Programme.

1. OCBC Easy Payment Plan is made available by OCBC Bank (Malaysia) Berhad (“OCBC”) to all OCBC Cardmembers (“Cardmember”) to enable retail transactions in a single receipt made on OCBC Credit Cards (“OCBC Cards”) to be converted into fixed monthly instalments (“Monthly Instalments”) subject to the Terms and Conditions herein.
2. The Programme is subject to these Terms and Conditions and deemed accepted by the Cardmember upon his application. . Any dispute of these Terms and Conditions shall not be entertained.
3. The Cardmember declares, represents and warrants to OCBC that all information provided by the Cardmember in his application for the Programme is true and complete and that the Cardmember will immediately notify OCBC of any changes to such information.
4. OCBC reserves the right to approve or decline the application submitted without assigning any reason thereof as well as to determine the amount permissible under the Programme which will be subject, inter alia, to: -
  - a) The status of the Cardmember’s Credit Card Account; and
  - b) The available line of credit.
5. The Cardmember may apply for the Programme by calling OCBC Contact Centre at 603-8317 5000 or such other means as may be specified by OCBC from time to time, within fifteen (15) days from the Date of Purchase (“Transaction Date”).
6. The Cardmember has the option to select instalment payment tenures of 5 months, 10 months or 20 months. The minimum purchase amount to be converted into instalment payment for each tenure is RM1,000. Such limits may be varied by OCBC at its sole and absolute discretion from time to time. OCBC will debit the Cardmember’s Card Account a One Time Handling Fee<sup>^</sup> based on the amount converted and the tenure selected upon approval of the application, as follows:-

Minimum Purchase Amount	Instalment payment tenure	One Time Handling Fee <sup>^</sup> calculated on amount approved for conversion
RM1,000	3 months	0% (for card-present overseas spend only) <i>Offer valid from 23 April 2018 – 30 June 2018</i>
	5 months	2.12%
	10 months	3.18%
	20 months	5.30%

<sup>^</sup> **The One Time Handling Fee is inclusive of 6% Goods and Services Tax, GST (Effective from 1 April 2015)**

Example Calculation of Handling Fees:

Amount approved for conversion	Instalment payment tenure	Handling fee payable <sup>^</sup>
RM2,000	3 months	0% of RM2,000 i.e. RM0
RM2,000	5 months	2.12% of RM2,000 i.e. RM42.40 (Inclusive of RM2.40 GST)
RM2,000	10 months	3.18% of RM2,000 i.e. RM63.60 (Inclusive of RM3.60 GST)
RM2,000	20 months	5.30% of RM2,000 i.e. RM106.00 (Inclusive of RM6.00 GST)

**<sup>^</sup> The One Time Handling Fee is inclusive of 6% GST (Effective from 1 April 2015)**

7. No interest amount will be levied if the full instalment amount due each month is settled by the due date. Otherwise, the applicable fees and charges in accordance to Clause 10 of the Cardmember's Agreement will be charged on the outstanding monthly instalment.
8. Upon approval of the Cardmember's application, the corresponding amount of the Cardmember's line of credit will be reserved for this purpose and the available credit limit balance will be reduced accordingly. OCBC shall not be liable to the Cardmember for any transactions rejected by merchants due to insufficient credit limit arising thereof.
9. During the repayment period, the amount shall be repaid by way of equal Monthly Instalments. Such Monthly Instalment shall be debited immediately to the Card Account following the approval of the Programme application, and shall be reflected in the next month's monthly statement and shall be payable in accordance with these Terms and Conditions. As each Monthly Instalment is repaid, the amount equivalent to the payment made shall be restored to the Cardmember's credit limit.
10. Upon approval of the Cardmember's application, there will be no separate account created for the Cardmember for the purpose of enrolment into the Programme.
11. A transaction is available for the Programme if the purchase has been debited to the Card Account and the purchase has been recorded in the current monthly statement forming part of the current outstanding balance due and has not passed its Payment Due Date at the time of the application.
12. A transaction converted under the Programme will not earn any Cash Rebate accumulation.
13. The Programme shall not be applicable to Cash Advances, Call for Cash, quasi-cash, Balance Transfers, Retail transactions less than the minimum amount specified, any existing instalment payment schemes of OCBC or other financial institutions, settlement of annual fees, outstanding balances or other charges that may be imposed by OCBC under the Agreement.
14. The Monthly Instalment is computed as the sum of the amount converted divided by the number of months of the Programme tenure. In the event of a default, the entire amount shall be payable immediately and in accordance with the Agreement. The Monthly Instalment is included in the computation of the Cardmember's specified minimum payment in his monthly credit card statement. In the event that the Monthly Instalment is not paid in full on its due date, the unpaid balance of the Monthly Instalment shall attract interest in accordance with the Agreement.
15. The Cardmember is not allowed to change the instalment tenure and/or Monthly Instalment amount once the application has been approved.
16. The Cardmember may apply for the Programme more than once, subject to the Cardmember's eligibility under the Terms and Conditions herein and at OCBC's discretion.
17. The Cardmember may cancel his/her enrolment in the Programme by calling OCBC Contact Centre at 603-8317 5000 or such other means as may be specified by OCBC from time to time. However, the OTHF is payable and non-refundable upon OCBC's approval of the Cardmember's application.

18. Upon the occurrence of any one or more of the following events:-
- (i) the Cardmember cancels his/her participation in the Programme, ahead of the agreed Programme tenure ;
  - (ii) breach of any of the Terms and Conditions herein;
  - (iii) an event of default pursuant to the Agreement;
  - (iv) delay or failure to pay the Monthly Instalment or any sums due under the Programme;
  - (v) failure to pay on due date any money or to discharge any obligation or liability payable from time to time to OCBC or for any banking/credit facilities;
  - (vi) the Programme is terminated for any reasons whatsoever;
  - (vii) the Card is terminated or the Card Account is closed for any reasons whatsoever;
  - (viii) it becomes impossible or unlawful for OCBC to make available or continue to make available the Programme; the total outstanding under the Programme shall immediately be due and payable and shall bear the applicable finance and late payment charges as per Clause 10 of the Cardmember's Agreement and shall be payable in accordance with the Agreement. Such default shall also entitle OCBC to cancel, revoke, suspend or restrict the use of the Card and thereafter to consolidate all outstanding amounts into the principal Card Account.
19. OCBC shall not be held responsible or liable for any inadequate, damaged or defective merchandise/goods or services nor with any dispute between the Cardmember and the merchant.
20. OCBC may at any time at its absolute discretion and upon written notice to the Cardmember, change any one or more of these Terms and Conditions or impose additional terms and conditions. Such change(s) shall take effect from the date stated in the notice and if no date is stated, from the date the Programme application is received by the Cardmember. OCBC may notify the Cardmembers of any change(s) to these Terms & Conditions by publishing such changes in its billing statements or OCBC's website, in any newspaper or other such means of communications as OCBC may determine in its absolute discretion.
21. Notwithstanding the provisions relating to respective rates, manner and time of payment and modes of computation referred to herein, OCBC shall be entitled at any time and from time to time to vary such rates, manner and time of payment and/or modes of computation in any manner whatsoever and shall give notice in writing to the Cardmembers of our intention. Manner of notice, time of effect and the effect of such variation shall be in accordance with the Agreement.
- In addition to and without prejudice to the generality of the foregoing, in the event it becomes more expensive for OCBC to maintain the Programme by reason of
- (i) any change in law or regulations which gives rise to new or additional taxes, higher reserve requirement or similar acts; or
  - (ii) a significant change in the monetary situation or economic environment, the Cardmember agrees to bear such additional cost for maintaining the Programme as OCBC determines to be necessary to compensate it, arising directly or indirectly from any of the foregoing circumstances. OCBC's decision on any of the matters referred to in this Clause shall be conclusive and binding on the Cardmember.
22. OCBC reserves the right at any time and with prior notice to the Cardmember to add, alter, modify, change or vary all or any of these terms and conditions or to replace wholly or in part the Programme by another scheme of whatever named called, whether similar or not or to withdraw it altogether.
23. OCBC will not be responsible for and disclaims all liability to any actions, claims, damages, costs, charges and expenses which the Cardmember may suffer, sustain or incur by reason of the Cardmember's participation in the Programme.
24. All matters of disputes are subject to the final decision of OCBC.
25. OCBC reserves the right to terminate the Programme with prior notice to the Cardmembers.
26. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.

## Terma dan Syarat

### Pelan Bayaran Mudah OCBC

Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai untuk Pelan Bayaran Mudah OCBC ("Program") dan perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad ("Perjanjian"). Perjanjian tersebut akan diguna pakai ke atas penggunaan Kad Kredit OCBC oleh Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman di antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian, maka Terma dan Syarat ini akan di guna pakai asalkan ia berkaitan dengan Program.

1. Pelan Bayaran Mudah OCBC disediakan oleh OCBC Bank untuk semua Ahli Kad OCBC ("Ahli Kad") untuk membolehkan urusan runcit dalam satu resit yang dibuat dengan Kad Kredit OCBC ("Kad OCBC") ditukar ke ansuran bulanan tetap ("Ansuran Bulanan"), tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
2. Permohonan untuk Program akan dianggap sebagai persetujuan oleh Ahli Kad terhadap semua Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Sebarang pertikaian mengenai permohonan tersebut tidak akan dilayan.
3. Ahli Kad mengisytiharkan, mewakili dan waran kepada OCBC bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Ahli Kad dalam permohonan beliau untuk Program ini adalah benar dan lengkap dan bahawa Ahli Kad dengan serta-merta akan memaklumkan kepada OCBC apa-apa perubahan kepada apa-apa maklumat.
4. OCBC berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan yang diterima tanpa perlu memberikan apa-apa sebab dan juga untuk menentukan jumlah yang dibenarkan di bawah Program dan adalah tertakluk antara lain kepada:
  - i. Status Akaun Kad Kredit Ahli Kad; dan
  - ii. Jumlah kredit yang dimiliki.
5. Ahli Kad boleh memohon untuk menyertai Program ini dengan menghubungi Pusat Hubungan OCBC di 603-8317 5000 atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dinyatakan oleh OCBC dari semasa ke semasa, dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Pembelian ("Tarikh Transaksi").
6. Ahli Kad boleh memilih untuk memohon Program selama 5 bulan, 10 bulan atau 20 bulan. Amaun pembelian minimum yang akan ditukarkan kepada bayaran ansuran untuk tempoh tersebut adalah masing-masing sebanyak RM1,000. Had tersebut mungkin berubah mengikut budi bicara mutlak OCBC dari semasa ke semasa. OCBC akan mendebitkan Yuran Pengendalian<sup>^</sup> daripada Akaun Kad Ahli Kad yang hanya dikenakan sekali berdasarkan amaun yang ditukar dan tempoh yang dipilih setelah permohonan diluluskan, seperti berikut:-

Jumlah Pembelian Minimum	Tempoh Ansuran Bulanan	Yuran Pengendalian <sup>^</sup> dikira berdasarkan amaun yang diluluskan untuk penukaran (Sekali Sahaja)
RM1,000	3 bulan	0% (untuk transaksi luar negara yang menggunakan kad kredit di terminal pembayaran sahaja) <i>Tawaran sah dari 23 April 2018 – 30 Jun 2018</i>
	5 bulan	2.12%
	10 bulan	3.18%
	20 bulan	5.30%

<sup>^</sup> Yuran Pengendalian adalah termasuk 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan, CBP (Berkuatkuasa mulai 1 April 2015)

Contoh Pengiraan Yuran Pengendalian:

<b>Amaun yang diluluskan untuk penukaran</b>	<b>Tempoh Ansuran Bulanan</b>	<b>Yuran Pengendalian<sup>^</sup> (Sekali Sahaja) yang kena dibayar</b>
RM2,000	3 bulan	0% daripada RM2,000 iaitu RM0
RM2,000	5 bulan	2.12% daripada RM2,000 iaitu RM42.40 (termasuk RM2.40 CBP)
RM2,000	10 bulan	3.18% daripada RM2,000 iaitu RM63.60 (termasuk RM3.60 CBP)
RM2,000	20 bulan	5.30% daripada RM2,000 iaitu RM106.00 (termasuk RM6.00 CBP)

**<sup>^</sup> Yuran Pengendalian adalah termasuk 6% Cukai Barangan dan Perkhidmatan, GST (Berkuatkuasa mulai 1 April 2015)**

7. Tiada amaun faedah akan dikenakan jika amaun ansuran penuh diselesaikan sebelum atau pada tarikh akhir setiap bulan. Jika tidak, yuran dan caj yang diguna pakai mengikut Klausa 10 Perjanjian Ahli Kad akan dicaj ke atas ansuran bulanan tertunggak.

8. Setelah permohonan Ahli Kad diluluskan, amaun yang sama daripada barisan kredit Ahli Kad akan dirizabkan untuk tujuan ini dan had baki kredit yang sedia ada akan ditolak dengan sewajarnya. OCBC tidak mempunyai liabiliti terhadap Ahli Kad bagi mana-mana urusan niaga yang ditolak oleh saudagar disebabkan kekurangan had kredit yang timbul daripadanya.

9. Dalam tempoh pembayaran balik, amaun hendaklah dibayar melalui ansuran yang serata ("Ansuran Bulanan"). Ansuran Bulanan tersebut akan didebitkan serta-merta daripada Akaun Kad setelah permohonan Program diluluskan, dan akan ditunjukkan dalam penyata bulanan bulan seterusnya dan perlu dibayar selaras dengan Terma dan Syarat. Bagi setiap Ansuran Bulanan yang dibayar, amaun yang bersamaan dengan pembayaran yang dibuat akan ditambah kembali kepada had kredit Ahli Kad.

10. Setelah permohonan Ahli Kad diluluskan, tidak akan ada akaun yang berasingan diwujudkan untuk Ahli Kad bagi tujuan pendaftaran ke Program

11. Program disediakan untuk satu transaksi jika pembelian tersebut telah didebitkan ke Akaun Kad dan pembelian telah direkodkan dalam penyata bulanan semasa yang merupakan sebahagian daripada baki tertunggak semasa yang perlu dibayar dan tidak melepasi Tarikh Akhir Pembayaran pada masa permohonan.

12. Transaksi yang ditukar di bawah Program ini tidak akan menerima sebarang Rebat Tunai terkumpul.

13. Program ini tidak boleh diguna pakai untuk Pendahuluan Tunai, Call for Cash, quasi-cash, Pemindahan Baki, transaksi runcit kurang daripada amaun minimum yang ditentukan, sebarang skim bayaran ansuran sedia ada OCBC atau institusi kewangan lain, penyelesaian yuran tahunan, baki tertunggak atau caj lain yang mungkin dikenakan oleh OCBC di bawah Perjanjian.

14. Jumlah Ansuran Bulanan akan dikira mengikut amaun ditukar yang dibahagikan dengan jumlah bulan dalam tempoh Program. Jika berlaku keingkaran, keseluruhan amaun mesti dibayar dengan serta-merta selaras dengan Perjanjian. Ansuran Bulanan adalah termasuk dalam pengiraan jumlah minimum di dalam penyata bulanan bulanan. Sekiranya Ansuran Bulanan tidak dibayar sepenuhnya sebelum tarikh akhir, baki Ansuran Bulanan yang tidak dibayar akan dikenakan faedah selaras dengan Perjanjian.

15. Ahli Kad tidak dibenarkan menukar tempoh ansuran dan/atau amaun Ansuran Bulanan setelah permohonan diluluskan.

16. Ahli Kad boleh memohon Program ini lebih daripada sekali, tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad di bawah Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini dan mengikut budi bicara OCBC.

17. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaan dalam Program ini dengan menghubungi Pusat Hubungan OCBC di 603-8317 5000 atau mana-mana cara lain yang disebutkan oleh OCBC dari masa ke masa.

Walaubagaimanapun, Yuran Pengendalian perlu dibayar dan tidak dikembalikan selepas pemohonan Ahli Kad diluluskan oleh OCBC.

18. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku:-

- (i) Ahli Kad membatalkan penyertaannya di dalam Program ini sebelum tempoh Program yang dipersetujui;
- (ii) terdapat pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
- (iii) peristiwa keingkaran berlaku menurut Perjanjian;
- (iv) kelewatan atau kegagalan untuk membayar Ansuran Bulanan atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah Program;
- (v) kegagalan untuk membayar sebarang wang pada tarikh matang atau untuk melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti pembayaran dari semasa ke semasa kepada OCBC atau untuk sebarang kemudahan perbankan/kredit;
- (vi) program ini ditamatkan untuk apa-apa sebab sekalipun;
- (vii) Kad ditamatkan atau Akaun Kad Kredit ditutup untuk apa-apa sebab sekalipun;
- (viii) ianya menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi OCBC untuk menyediakan atau terus menyediakan Program; maka, jumlah tertunggak di bawah Program adalah perlu dan patut dibayar dengan serta-merta dan akan menanggung pembiayaan dan caj pembayaran lewat seperti yang diguna pakai dalam Klausula 10 Perjanjian Ahli Kad dan akan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian. Peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada OCBC untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad dan untuk menggabungkan semua amaun tertunggak ke dalam Akaun Kad utama.

19. OCBC tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang ketidakcukupan, kerosakan atau kecacatan barangan atau perkhidmatan ataupun sebarang pertikaian di antara Ahli Kad dan saudagar.

20. OCBC boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya dan dengan notis bertulis kepada Ahli Kad, menukar salah satu atau lebih Terma dan Syarat ini atau mengenakan terma & syarat tambahan. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis dan jika tiada tarikh dinyatakan, maka tarikh permohonan Program yang diterima oleh Ahli Kad akan diguna pakai. OCBC mungkin memaklumkan Ahli Kad tentang perubahan pada Terma dan Syarat ini dengan menerbitkannya di dalam penyata bil atau di laman web OCBC, di dalam mana-mana akhbar atau apa jua kaedah komunikasi lain seumpamanya yang ditentukan oleh OCBC mengikut budi bicaranya.

21. Walau apa pun peruntukan yang berkaitan dengan kadar, cara serta masa pembayaran dan kaedah pengiraan yang dinyatakan di sini, OCBC Bank berhak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah mana-mana kadar, cara serta masa pembayaran dan/atau kaedah pengiraan dalam apa-apa cara sekalipun dan akan memberi notis secara bertulis kepada Ahli Kad mengenai tujuan kami. Bentuk notis, masa kuat kuasa dan kesan terhadap perubahan tersebut akan selaras dengan Perjanjian.

Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada perkara umum bagi apa yang berlaku, sekiranya ia menjadi lebih mahal untuk OCBC Bank mengekalkan Program atas sebab

- (i) mana-mana perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang mengakibatkan timbul cukai baru atau cukai tambahan, rizab berkanun yang lebih tinggi atau tindakan seumpamanya; atau
- ii) perubahan ketara dalam situasi kewangan atau keadaan ekonomi, Ahli Kad bersetuju untuk menanggung kos tambahan untuk mengekalkan Program seperti yang ditentukan perlu oleh OCBC Bank untuk membayar ganti rugi, yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana keadaan yang sedang berlangsung. Keputusan OCBC Bank ke atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan Klausula ini adalah muktamad dan terikat ke atas Ahli Kad.

22. OCBC Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad untuk menambah, meminda, mengubah suai, menukar dan mengubah semua atau mana-mana terma dan syarat ini atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian daripada Program dengan skim lain biar apapun ia dinamakan, sama ada serupa atau tidak atau menggugurkan kesemuanya sekali.

23. OCBC Bank tidak akan bertanggungjawab dan menafikan semua liabiliti terhadap sebarang tindakan, tuntutan, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin dialami, diterima atau ditanggung oleh Ahli Kad berikutan penyertaan dalam Program ini.

24. Semua perkara yang dipertikaikan adalah tertakluk kepada keputusan muktamad OCBC Bank.

25. OCBC Bank berhak menamatkan Program dengan memberi notis kepada Ahli Kad.

26. Terma dan Syarat yang termaktub disini akan ditadbirkan dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.